



KENYATAAN MEDIA

OPS KESAN DILANCAR SEMULA, BURU MAJIKAN DAN PEKERJA INKGAR DAFTAR

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini telah melancarkan **Ops Kesan Peringkat Kebangsaan Tahun 2022** dalam usaha mengesan majikan yang gagal mendaftar dengan PERKESO, sekaligus memastikan setiap pekerja yang layak akan mendapat perlindungan keselamatan sosial sewajarnya.

Susulan operasi yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun lepas, **Ops Kesan kali ke-13** ini dianjurkan selepas **Tempoh Pemutihan** berakhir pada **31 Mei** lalu. Sepanjang sebulan tempoh tersebut, sebanyak **8,843** majikan baharu telah tampil mendaftar. Ia merekodkan peningkatan memberangsangkan iaitu lebih **14%**, berbanding dengan jumlah majikan baharu yang mendaftar pada bulan **April 2022**, iaitu sebanyak **7,709** majikan.

Sementara itu, seramai **85,181** Orang Bekerja Sendiri (OBS) dalam **Sektor Pengangkutan Penumpang dan Pengangkutan Barangan dan Makanan** telah mendaftar pada bulan Mei 2022, berbanding hanya **4,983** orang sahaja yang berdaftar pada bulan April 2022. Ini mencatatkan peningkatan **melebihi 17 kali ganda** yang direkodkan sepanjang Tempoh Pemutihan. Statistik majikan dan OBS ini menunjukkan tempoh pemutihan yang dilaksanakan PERKESO berkesan dalam menggalakkan mereka mendaftar secara sukarela.

Ops Kesan kali ini menyaksikan seramai **500 anggota PERKESO** di seluruh negara turun padang secara serentak, setelah operasi ini dihentikan sementara tahun lepas akibat penularan pandemik COVID-19. Pelancaran Ops Kesan ke-13 telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO** di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), Selangor.

Bertemakan '**Merealisasi Pematuhan Optimum**', operasi kali ini memberi tumpuan kepada majikan-majikan yang layak namun masih belum mendaftar di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)** dan **Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)**. Semua majikan yang menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja tanpa mengira had gaji, termasuk pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini, wajib mendaftar dalam masa **30 hari** daripada tarikh pekerja tersebut diambil bekerja. Kegagalan majikan mendaftarkan pekerja mereka di bawah kedua-dua - **Akta 4 dan Akta 800** boleh menyebabkan majikan dipenjara sehingga **2 tahun** atau didenda **RM10,000** atau kedua-duanya sekiranya sabit kesalahan.

Ops Kesan tahun ini juga menyaksikan PERKESO buat kali kedua menjalankan operasi mengesan Orang Bekerja Sendiri (OBS) dalam dua sektor yang diwajibkan mendaftar di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)**, iaitu Sektor Pengangkutan Penumpang dan Pengangkutan Barangan dan Makanan. Jika sabit kesalahan, OBS boleh didenda sehingga **RM10,000** atau dipenjara tidak melebihi **2 tahun**, atau kedua-duanya sekali. Sehingga **28 Mei 2022**, seramai **346,313** atau lebih kurang **14%** OBS di seluruh negara telah mencarum, berbanding jumlah keseluruhan OBS di Malaysia iaitu kira-kira **2.38 juta**.

Sehingga **31 Mac 2022**, sebanyak **527,659** majikan aktif telah berdaftar di bawah Akta 4 yang meliputi seramai **8.74 juta** pekerja, termasuk **1.99 juta** pekerja asing. Walau bagaimanapun, PERKESO percaya masih ada segelintir majikan yang menggaji pekerja tetapi belum mendaftar terutamanya perusahaan baharu.

Pada **1 Jun 2021**, liputan Akta 4 dan Akta 800 telah diperluas kepada **pekerja domestik tempatan** dan Akta 4 untuk **pekerja domestik asing**. Sehingga **5 Jun 2022**, sejumlah **9,557 majikan** yang menggajikan pekerja domestik telah berdaftar dengan PERKESO. Ia mewakili seramai **10,298 orang pekerja domestik tempatan dan asing**. **Sebelum ini, tempoh kelonggaran (*cooling off*)** untuk mendaftar turut diberi kepada majikan dan pekerja domestik dan telah berakhir pada **31 Mei 2022**.

Semenjak tahun **2019 hingga 31 Disember 2021**, sejumlah **5,896 notis kompaun** dengan nilai **RM1.96 juta** telah dikeluarkan atas kesalahan gagal mendaftar perusahaan dan pekerja. Selain itu, sebanyak **6,579 kes** telah diambil tindakan pendakwaan atas pelbagai kesalahan dalam tempoh sama.

PERKESO menggesa semua majikan yang layak dan OBS agar tampil untuk berdaftar secara dalam talian atau hadir di mana-mana 54 pejabat PERKESO di seluruh negara. Sila layari laman web rasmi PERKESO di www.perkeso.gov.my atau hubungi nombor **Careline PERKESO** di **1-300-22-8000** untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

8 Jun 2022

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.